



MQR Pusat Rujukan Kebangsaan program berkualiti

Oleh AZMY MOHAMED

DENGAN merujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), sesuatu kelayakan itu boleh dibezakan antara yang dijamin kualitinya dengan yang 'dibeli' atau diperolehi dengan cara lain yang dipersoalkan kredibilitinya.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof. Zita Mohd. Fahmi, melalui Portal MQR, semua pihak berkepentingan boleh mengetahui, memahami serta membuat perbandingan mengenai ciri-ciri sesuatu kelayakan dan hubung kaitnya dengan kelayakan yang lain.

"Sudah menjadi satu amalan baik di dunia bahawa maklumat sahih dan tepat perlu disebarikan secara telus kepada pengguna sebagai satu jaminan kualiti sesuatu program pendidikan," katanya.

Justeru, maklumat lengkap mengenai semua kelayakan berdasarkan program yang telah dinilai dan diakreditasi boleh dirujuk

di www.mqa.gov.my/mqr.

Daftar ini bukan sahaja boleh diakses oleh pelajar, ibu bapa, majikan atau institusi tempatan tetapi juga oleh warga dunia yang mahu menjadikan status akreditasi sebagai asas untuk mengiktiraf program dan kelayakan tersebut bagi tujuan yang pelbagai mengikut keperluan masing-masing.

Selain institusi tempatan, MQA turut memberi akreditasi kepada program yang ditawarkan oleh institusi tempatan dengan kerjasama institusi luar negara dan juga program institusi luar negara yang ditawarkan oleh kampus cawangannya di sini.

Paling utama pelajar boleh membuat perbandingan dan pemilihan serta mengetahui hasil pembelajaran setiap program yang ingin diambil.

Selaras dengan trend dan amalan sedunia, kaedah penilaian MQA kini memberi penekanan kepada pendidikan berasaskan impak hasil pembelajaran atau *outcome based education*.

"Maka pelajar dapat mengetahui kompetensi dan kemahiran yang akan diperolehi mengikut tahap seperti yang dipaparkan di dalam daftar kelayakan," jelas Zita.

Berbeza dengan era Lembaga Akreditasi Negara (LAN), MQR memaparkan maklumat yang lebih kompre-

hensif dan terperinci.

Ketika itu, maklumat yang dipaparkan terhad kepada nama institusi, kursus dan tempoh sah laku sahaja.

Kini daftar MQR menyediakan maklumat tambahan seperti syarat kelayakan, bilangan kredit dan hasil pembelajaran.

Bagaimanapun semua program pengajian IPTS yang telah diakredit di bawah LAN dimuatkan di dalam daftar MQR secara automatik sehingga tempoh sah lakunya berakhir.

Program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA termasuk universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, juga terus diakredit dengan syarat ia telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"MQR merupakan penambahbaikan yang signifikan kepada senarai akreditasi LAN," ujarnya.

Di bawah akta LAN 1996, semua program kecuali program profesional yang diakredit mempunyai tempoh sah laku perakuan akreditasi selama lima tahun.

Selainnya, program yang diakredit di bawah akta MQA 2007 tiada tempoh sah laku dan hanya tarikh mula akreditasi dicatitkan di dalam daftar MQR.

Bagi program profesional seperti kejuruteraan dan kedoktoran masih ada tempoh sah laku mengikut standard dan prosedur yang ditetapkan oleh Badan berkenaan.

Sungguhpun begitu, kualiti audit diadakan secara berkala dan penilaian semula dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti program dikekalkan dan dipertingkatkan.

"Program

yang gagal mengekal dan mematuhi standard yang ditetapkan semasa lawatan audit akan dikeluarkan dari daftar MQR," tegasnya.

Daftar ini sangat penting sebagai rujukan untuk memudahkan pemindahan kredit, membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran di institusi tempatan atau luar negara, membolehkan pelajar dipertimbangkan untuk pelantikan ke perkhidmatan awam dan memudahkan pelajar mendapat bantuan kewangan.

Sesungguhnya daftar MQR ini amat penting untuk meningkatkan nilai, imej dan reputasi setiap institusi di samping membuktikan kehebatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi dunia.

Antarabangsa

Malah MQA telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila dipilih sebagai salah seorang Lembaga Pengarah untuk Asia Pacific Quality Network (APQN).

Pertubuhan ini mempunyai anggota seramai 56 ahli dari 41 buah negara.

Kata Zita, penyertaan MQA di persada dunia penting sebagai penanda aras sistem yang diguna pakai di sini setara dengan amalan baik lagi bijak di peringkat global.

"Ia juga sebagai landasan untuk membina kredibiliti dan mewujudkan keyakinan negara luar terhadap sistem pendidikan kita," katanya.

Selain APQN, MQA turut menjadi ahli penuh untuk International Quality of Accreditation in Higher Learning (INQAAHE) sejak lapan tahun lalu.

Pelbagai jalinan kerjasama secara bilateral telah, sedang dan akan dijalinan dengan negara seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, India dan China.

Inisiatif ini penting supaya sistem jaminan kualiti kita diterima dan diiktiraf bagi membolehkan mobiliti graduan tempatan mencari pekerjaan di serata dunia.

Ia juga sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme di dalam bidang pengauditan oleh panel penilai dan juga di kalangan pegawai MQA.

"Satu modul latihan sedang dibangunkan untuk tujuan ini," jelasnya.

Sementara itu, di peringkat ASEAN, satu jalinan kerjasama sedang digembeleng untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi melalui perkongsian maklumat dan mencari pendekatan terbaik mewujudkan keseragaman supaya proses pemindahan kredit dapat dilaksanakan.



ZITA MOHD. FAHMI